

# Kekaumas serah bantuan kebajikan kepada pesara


UB 8.5.2019 45

KOTA KINABALU: Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) terus komited dalam usaha membela nasib ahlinya.

Ita direalisasikan melaluisumbangan bantuan kebajikan kepada kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah berpencen

serta sumbangan khairat kematian kepada kakitangan yang kehilangan ahli keluarga.

Sumbangan disampaikan oleh Presiden Kekaumas Abdul Jalil Sapli kepada 12 penerima bantuan yang terlibat dalam satu majlis yang berlangsung di Perpustakaan Fakulti Kejuruteraan (FKJ) UMS.



**ABDUL Jalil (kiri) menyampaikan sumbangan bantuan kepada salah seorang pesara UMS**

Abdul Jalil berharap sumbangan itu mampu membantu meringankan beban yang dipikul oleh ahli Kekaumas yang menerimanya.

“Kepada para pesara UMS, diharap anda semua tetap sihat dan berjaya dalam apa juga

bidang yang diceburi selepas bersara daripada perkhidmatan,” katanya.

Hadir sama menyaksikan penyerahan bantuan itu ialah para ahli jawatankuasa Kekaumas.